

## Maulidur Rasul SAW

Tanggal 12 Rabiulawal setiap tahun merupakan satu tarikh yang begitu signifikan dengan umat Islam kerana pada tanggal tersebut telah lahirnya seorang insan agung iaitu Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib dan sambutan Maulidur Rasul turut disambut oleh umat Islam sempena memperingati hari kelahiran baginda meskipun kita tidak sempat hidup atau bertemu dengan Baginda SAW kekasih Allah. Namun, perjuangan yang telah dilalui oleh Rasulullah dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, sebagai umat Nabi Muhammad SAW menjadi tugas kita untuk menyebarluaskan adab dan akhlak yang diajarkan Baginda. Sambutan Maulidur Rasul sangat dianjurkan untuk dilakukannya kerana ia boleh menambahkan lagi kecintaan kepada Rasulullah dan akan diberikan pahala jika menetapi syariat Islam.

- **Hukum Menyambut Maulidur Rasul**

Mufti Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan fatwa mengenai hukum menyambut Maulidur Rasul. Menurut beliau terdapat dua pendapat tentang hukum menyambut Maulidur Rasul ini. Pendapat pertama, sebahagian ulama' mengatakan menyambut Maulidur Rasul ini adalah sebahagian daripada amalan yang *bid'ah*. Hujah yang digunapakai oleh mereka adalah dengan mengatakan amalan ini tidak diamalkan oleh generasi terdahulu seperti generasi yang mulia, sahabat-sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in dan juga tidak pada generasi setelahnya. Sabda Rasulullah SAW.

لَا تُظْرُونِي، كَمَا أَطْرَتِ النَّصَارَى ابْنَ مَرْيَمَ، فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُهُ، فَقُولُوا عَبْدُ اللَّهِ، وَرَسُولُهُ

*“Janganlah kalian berlebihan dalam memuji seperti kaum Nasrani yang memuji anak lelaki Maryam. Aku hanyalah hamba-Nya, maka katakanlah (mengenaiku) “Hamba Allah dan Rasul-Nya “*

(Riwayat al-Bukhari, no. 3445)

Pendapat Kedua, sebahagian ulama' mengatakan bahawa amalan menyambut Maulidur Rasul diharuskan kerana merupakan amalan tokoh-tokoh zaman terdahulu antaranya di irbil ( salah satu negeri di Iraq). Antara tokoh-tokoh yang mengharuskan amalan ini dan mengatakan ia merupakan amalan *bid'ah hasanah* ialah Imam Jalaluddin al-Suyuti, Imam Ibn Hajar al-Haithami, Syeikh Ibn al-Hajj al-abdari dan lain-lain. Mereka menggunakan hadis berikut untuk mengharuskan amalan Maulidur Rasul ini

Dari Abu Qatada, sesungguhnya Rasulullah SAW pernah ditanya tentang puasa Isnin? Maka Baginda menjawab:

فِيهِ وُلِدْتُ وَفِيهِ أَنْزَلَ عَلَيَّ

*”Padanya aku dilahirkan dan padanya diturunkan (al-Quran) ke atasku“*

(Riwayat Muslim, no. 1162)

Hadis ini memberi panduan dan contoh tentang pentingnya mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah, termasuk kelahiran Nabi Muhammad SAW. Dalam hadis ini, Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa Baginda berpuasa pada hari Isnin sebagai bentuk penghargaan dan rasa syukur kepada Allah atas nikmat kelahirannya. Hadis ini mendorong umat Muslim untuk meneladani tindakan Nabi Muhammad SAW dalam mensyukuri nikmat Allah iaitu berpuasa dan melakukan sunnah Rasulullah pada hari Isnin.

Dalam konteks amalan menyambut Maulidur Rasul, hadis ini dapat dijadikan panduan bagi umat Muslim untuk merayakan dan memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW dengan cara yang bermakna dan tidak berlebih-lebihan sehingga melanggar syariat Islam. Selain daripada berpuasa pada hari Isnin, umat Muslim juga dapat membaca kisah kelahiran Nabi, mendengar ceramah tentang sirah Baginda atau melakukan amalan-amalan kebaikan lainnya sebagai bentuk syukur dan menghargai kelahiran dan perjuangan Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan umat Muslim.

## **Tarjih**

Setelah diteliti pendapat-pendapat Ulama’ tersebut, Mufti telah berpandangan bahawa sambutan Maulidur Rasul dibolehkan tetapi dengan syarat sambutan tersebut mestilah mengikut landasan syariat Islam yang betul seperti tiada unsur maksiat, tidak bercampur lelaki dan perempuan, mengadakan pengisian yang baik seperti tazkirah dan ceramah, menutup aurat, semarakkan dengan selawat-selawat keatas junjungan Nabi Muhammad SAW dan banyak lagi garis panduan yang perlu umat Muslim perlu patuhi.

- **Tujuan Menyambut Maulidur Rasul**

1. Dapat memperingati tarikh kelahiran Baginda SAW.

Peringatan terhadap tarikh kelahiran Nabi Muhammad SAW, atau yang dikenal sebagai “Maulidur Rasul” adalah satu tindakan yang biasa dilakukan oleh umat Muslim sebagai bentuk penghormatan dan kasih sayang terhadap kehidupan dan ajaran Nabi. Memperingati Maulidur Rasul adalah satu cara bagi umat Islam menghormati dan mengenang perjuangan, ajaran, kepimpinan Nabi Muhammad SAW dalam menegakkan agama Islam. Ini juga dapat memberi kesempatan kepada umat Islam untuk mempelajari lebih lanjut tentang sirah Nabi Muhammad serta nilai-nilai pengajaran yang dapat diambil dari kehidupan Baginda.

Maulidur Rasul bukan hanya sekadar sambutan atau peringatan biasa, tetapi juga menjadi peringatan yang penting untuk mengetahui dan mendalami lebih dalam tentang Nabi Muhammad. Antaranya, mengetahui bagaimana Baginda memimpin, mengajarkan agama Islam, sunnah-sunnah Rasulullah SAW, keperibadian Nabi Muhammad, sejarah hidup Baginda dan pengaruhnya terhadap dunia agar dapat memberi pengajaran kepada umat Islam terumanya kepada generasi muda. Merayakan sambutan Maulidur Rasul ini dapat memperkuat rasa cinta, penghormatan, dan iman terhadap Nabi Muhammad sebagai utusan Allah serta umat Muslim dapat menghormati ajaran-ajaran Nabi yang mencakupi pelbagai aspek. Imam Bukhari meriwayatkan:

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ  
مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

*"Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga dia lebih mencintai aku daripada kedua orang tuanya, anaknya dan manusia seluruhnya"*

Dalam hadis ini, Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda bahawa iman seseorang tidaklah sempurna hingga dia mencintai Nabi lebih dari segalanya, termasuk diri sendiri, harta, anak-anak dan manusia secara umum. Ini menunjukkan bahawa mencintai Baginda adalah ukuran keimanan seseorang dan bahawa cinta kepada Rasulullah SAW harus melampaui semua aspek kehidupan. Cinta kepada Nabi Muhammad juga memberikan kehidupan seseorang untuk kearah kebaikan. Ini mendorong seseorang untuk mengikuti ajaran dan teladan Nabi Muhammad dalam setiap aspek kehidupan termasuk dalam hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Cinta ini juga menginspirasi untuk mempelajari sirah (kehidupan) Nabi dan mengambil hikmah serta pengajaran dari pengalaman dan perjuangannya.

2. Mengambil iktibar dan memperingati sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW yang penuh cabaran dan pengorbanan bermati-matian demi menyebarkan agama Islam.

Sirah Nabi Muhammad SAW merupakan sumber inspirasi bagi umat Muslim untuk menghadapi berbagai cabaran dalam hidup umat mereka. Jika dilihat dari perjuangan Nabi Muhammad SAW umat Islam dapat menjaga keteguhan dalam Iman. Baginda menunjukkan keteguhan dan kekuatan dalam imannya meskipun menghadapi banyak rintangan dan penentangan. Ini mengajarkan umat Islam tentang kepentingan mempertahankan iman dan keyakinan kita dalam menghadapi cabaran dalam hidup.

Antara sirah Rasulullah yang boleh dijadikan iktibar ialah perjuangan dakwah Islam Baginda secara rahsia selama tiga tahun pertama. Perjuangan dakwah Baginda secara rahsia adalah salah satu aspek penting dalam strategi penyebaran dakwah Baginda di awal-awal

masa kenabiannya. Ini mencerminkan kebijaksanaan dan kesabaran Baginda dalam menghadapi berbagai cabaran yang dilalui dalam menyebarkan ajaran baru di tengah masyarakat yang belum mengetahui tentang agama Islam. Pada awal-awal kenabian, Rasulullah SAW hanya menyebarkan dakwah islamiyyah dengan secara rahsia kepada individu terdekat sahaja seperti sahabat-sahabat dekat dan kaum keluarganya. Namun begitu, tidak semuanya mempercayai dan meyakini ajaran yang dibawa Rasulullah antaranya iaitu Abu Thalib dan Abu Lahab.

Pada awal-awal Baginda menyebarkan dakwah secara rahsia, dalam keadaan diperangi Bangsa Arab datanglah seorang wanita yang bernama Khadijah binti Khuwailid sebagai orang pertama yang menyambut ajaran dakwah dan lalu Beliau mengawini Rasulullah SAW. Khadijah bin Khuwailid merupakan sumber kekuatan kepada Rasulullah dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah yang penuh dengan rintangan. Kemudian, dakwah Baginda diterima dan diikuti oleh Ali bin Abu Talib yang merupakan sepupu Baginda dan juga merupakan tokoh-tokoh penting dalam mempertahankan Islam, Zaid bin Harithah, Abu Bakar al-Siddiq dan Uthman bin Affan.

Setelah beberapa tahun melakukan dakwah secara rahsia dan meraih sejumlah pengikut awal, Rasulullah SAW kemudian mendapat suruhan daripada Allah SWT untuk memulai dakwah secara terbuka kepada masyarakat umum. Allah berfirman dalam surah al-Hijr ayat 94 dan 95

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ۙ ٩٤ إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ

Maksudnya: *Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tantangan kaum kafir musyrik itu. Sesungguhnya kami memelihara engkau (Muhammad) dari (kejahatan) orang yang memperolok-olokkan (engkau)''.*

Pada awalnya, Nabi Muhammad SAW mengumpul dan mengundang para Sahabat yang berbangsa Quraisy untuk menyebarkan ajaran Islam kepada mereka secara terbuka. Namun begitu, tidak semua dapat menerima dakwah ini dengan baik. Terdapat beberapa orang yang menolak dakwah Rasulullah saw secara baik, sopan dan tidak memusuhi Baginda. Akan tetapi, ada juga yang menolak dakwah secara kasar seperti Abu Lahab dan isterinya Ummu Jamil. Mereka menunjukkan kebencian kepada Nabi Muhammad dengan sangat jelas. Bahkan, ada surah dalam al-Quran yang telah disebut khusus untuk menyinggung tentang Abu Lahab dan Ummu Jamil sebagai musuh terhadap Islam.

Ketika kaum Quraisy menentang Nabi Muhammad SAW, Baginda tidak pernah berputus asa dan mengalah. Sebaliknya, Baginda semakin bersungguh-sungguh dalam menyebarkan dakwah Islam. Oleh kerana itu, Nabi Muhammad SAW memutuskan untuk mengadakan perjumpaan bersama-sama umatnya. Perjumpaan ini telah diadakan di rumah

Abi Abdillah al-Arqam bin Abi al-Arqam yang merupakan Madrasah pertama dalam sejarah Islam sebagai tempat belajar, berdiskusi dan mendalami agama dengan lebih mendalam. Dengan adanya Madrasah ini, ia memberi peluang kepada Rasulullah untuk memantapkan lagi keimanan umatnya dalam menyebarkan Islam dan menghadapi segala tantangan yang ada.

Perjuangan Rasulullah saw tidak berhenti setelah Baginda wafat. Perjuangan Baginda dilanjutkan oleh para sahabat Baginda dan umat Islam. Nabi Muhammad adalah utusan terakhir Allah dan rahmat bagi seluruh alam, dan ajaran-ajarannya terus hidup dan berkembang dalam masyarakat Muslim. Seperti yang kita ketahui, Baginda banyak menerima tomahan, cacian bahkan ancaman fizikal. Namun begitu, Baginda tetap cekal dan istiqamah dalam menyebarkan dakwah Islam dan melawan segala fitnah-fitnah dari musuh Islam. Baginda tetap berpegang teguh dengan prinsip dan tugasnya untuk menyampaikan ajaran tauhid kepada umat Islam. Oleh yang demikian, melalui sambutan Maulidur Rasul ini umat Islam dapat mengambil inspirasi terhadap kesabaran, keberanian dan ketabahan Baginda dalam menghadapi pelbagai cabaran.

### 3. Mendidik Generasi Muda untuk Mencintai Rasul

Mendidik generasi muda untuk mencintai Rasulullah adalah tanggungjawab penting dalam memperkukuhkan akidah dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka. Sebagai Ibu Bapa kita sangat berperanan dan bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak untuk mencintai rasul. Dengan adanya sambutan Maulidur Rasul ini dapat menyuntik perasaan cintakan rasul ke dalam jiwa anak muda dengan mengajak anak-anak melibatkan diri dalam perarakan atau menghadiri majlis-majlis tertentu, bahkan memperkenalkan sosok tubuh manusia hebat dan maksum yang bernama Muhammad bin Abdullah sejak mereka kecil lagi.

Sambutan Maulidur Rasul ini dapat mengajarkan kepada generasi muda tentang kehidupan, pengorbanan, dan perjuangan Rasulullah SAW melalui cerita dan kisah dari sirah-sirah Baginda. Ini membantu mereka dalam mengenal keperibadian dan keteladanan Rasulullah. Di samping itu, pihak sekolah juga boleh merayakan sambutan Maulidur Rasul di sekolah dengan cara yang baik dan bermakna seperti membaca sirah Nabi, mengadakan ceramah, mengajak anak-anak berselawat kepada Nabi dan banyak lagi. Ini dapat membantu generasi muda mengembangkan cinta dan rasa kagum terhadap Rasulullah dalam jiwa anak muda Muslim.

Anak-anak boleh meneladani sifat ketabahan Rasulullah menempuh cabaran dan dugaan dalam menyebarkan dakwah. Baginda sanggup bersengkang mata, dicaci dan dihina serta di baling dengan batu sehingga tercedera parah. Bahkan, baginda juga dipalau oleh penduduk Makkah dan keluarga sendiri demi menyebarkan dakwah Islamiyyah tetapi tidak pernah berfikir untuk menyerah. Tidak diragukan lagi, segala laku kehidupan telah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Hal ini sudah Allah tegaskan dalam ayat al-Quran surah al-Ahzab ayat

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu*”.

Melalui tafsiran ayat di atas, Ibnu Katsir menjelaskan bahawa ayat ini adalah diantara ayat yang paling penting dalam menjadikan Rasulullah sebagai panutan. Baik dalam ucapan, perbuatan, dan segala liku-liku kehidupan Baginda. Oleh kerana itu, Allah swt memerintah umat Muslim untuk mencontohi akhlak Rasulullah seperti kesabaran, keteguhan hati dan perjuangannya dalam menempuh cabaran ketika menyebarkan dakwah dan juga ketika berperang seperti peristiwa perang Ahzab.

- **Memupuk rasa cinta kepada Nabi Muhammad**

Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hashim merupakan satu figura yang sangat dihormati dan disegani oleh seluruh masyarakat khususnya umat Islam. Baginda merupakan orang yang paling berpengaruh di dunia mengatasi tokoh-tokoh barat yang lain seperti Siddharta Gautama dan Issac Newton. Beriman kepada Rasulullah merupakan rukun iman yang keempat dan sebagai umat Islam, kita perlulah memupuk rasa cinta yang mendalam kepada Baginda Nabi SAW. Sesungguhnya mencintai Rasulullah merupakan tanda kesempurnaan iman seperti yang terdapat dalam hadis berikut,

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Daripada Anas RA ia berkata, Nabi SAW bersabda: “Tidak sempurna keimanan seseorang diantara kalian hingga ia lebih mencintai aku daripada kedua orang tuanya, anaknya, dan manusia semuanya.” (HR Bukhari No: 15) Status: Hadis Sahih

Oleh yang demikian, kecintaan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW perlu dipupuk sejak dari kecil lagi bak kata peribahasa Melayu “ Melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Hal ini demikian kerana anak kecil lebih mudah dibentuk berbanding dengan golongan yang lebih dewasa. Justeru itu, antara langkah yang boleh kita ambil dalam memupuk semangat kecintaan kepada Rasulullah antaranya ialah :

1. Menenal sejarah dan kehidupan Baginda Nabi Muhammad SAW

Dengan menelusuri sejarah dan kehidupan peribadi Rasulullah semangat kecintaan kepada Baginda dapat ditambah bak kata orang “Tak kenal maka tak cinta”. Kita mungkin tidak dapat bersua dan hidup sezaman dengan nabi namun kita begitu bertuah kerana banyak sejarah dan cerita tentang kehidupan dan keperibadian Baginda yang ditulis dan dikaryakan sehingga dapat kita baca pada hari ini. Selain itu, melalui sambutan Maulidur Rasul juga dapat membawa masyarakat untuk lebih mengenali sejarah kehidupan Rasulullah. Terdapat banyak kitab yang membicarakan tentang kehidupan Baginda antaranya ialah Kitab Syamil Muhammadiyah. Antara isi dan topik yang dibincangkan dalam kitab tersebut ialah bentuk tubuh Rasulullah, pakaian Rasulullah, cara berjalan Rasulullah dan lain-lain lagi.

## 2. Memperbanyakkan selawat dan doa kepada Rasulullah

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*al-Ahzab: 56*

*Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.”*

Syeikh al-Maraghi telah mentafsirkan ayat ini dengan berkata: Wahai orang beriman, doakanlah supaya Nabi SAW mendapat rahmat, muliakan Baginda walau dengan apa cara yang kamu mampu lakukan. Umpamanya mengikut Baginda secara baik atau mematuhi setiap arahannya. Begitu juga, dengan cara mengucapkan selawat dan salam kepada Baginda dengan lidahmu.

Kita sangat dituntut untuk selalu berselawat dan mengingati Rasulullah kerana selawat merupakan wasilah atau jalan untuk meraih cinta Allah. Daripada Abdullah bin ‘Amr RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

*Maksudnya: “Sesungguhnya barangsiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat.” [Riwayat Muslim (384)]*

Terdapat pelbagai jenis selawat yang boleh dibaca dan diamalkan antaranya ialah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ

Amalan selawat haruslah selalu diamalkan dalam kehidupan seharian dan sewajarnya menjadi budaya masyarakat pada hari ini. Dalam Riwayat Abu Daud dengan isnad yang sahih menyatakan bahawa Aus bin Aus RA mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda “Hari Jumaat merupakan penghulu segala hari dan adalah digalakkan untuk memperbanyakkan selawat kepada Baginda...”

### 3. Mendalami dan mempratikkan sunah Rasulullah

Terdapat banyak amalan soleh Rasulullah yang boleh kita ikuti antaranya ialah :

#### 1. Menjawab seruan azan dan berdoa selepas azan

Menjawab seruan azan merupakan suatu tindakan yang penting dalam Islam kerana azan merupakan panggilan untuk melaksanakan ibadah solat dan menjawab azan membawa maksud dan manfaat yang mendalam. Sunah menjawab azan membawa makna ketaatan kepada Allah kerana kita seraya menyahut panggilan dan perintah Allah iaitu solat. Solat merupakan ibadah yang penting, utama dan menjadi tonggak dalam institusi Islam seperti yang dinyatakan oleh Ibn Umar RA berkenaan seorang lelaki yang bertanya kepada Rasulullah tentang amalan apa yang paling dicintai Allah dalam Islam lalu dijawab baginda :

الصَّلَاةُ لَوْ قَتَلْتَهَا، وَمَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ فَلَا دِينَ لَهُ، وَالصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ

Maksudnya : “Solat pada waktunya, barangsiapa yang meninggalkan solat maka tiadalah agama baginya dan solat itu merupakan tiang agama”.

Selain itu, berdoa selepas azan merupakan antara sunah Nabi Muhammad SAW yang boleh diamalkan oleh umat Islam. Dari Jabir bin Abdillah, riwayat Bukhari bahawa Rasulullah ada menyebutkan yang barangsiapa yang selepas mendengar azan lalu membaca doa selepas azan, maka luluslah syafaat atau bantuan daripada baginda kepadanya di hari kiamat kelak. Berikut merupakan doa selepas azan :

اللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا

مُحَمَّدًا الَّذِي وَعَدْتَهُ

Maksudnya: *Ya Allah, Wahai Tuhan yang telah mensyariatkan seruan azan dan sembahyang yang akan didirikan. Kurniakanlah kedudukan yang tinggi dan terpuji yang engkau telah janjikan kepada junjungan kami Nabi Muhammad dan kehormatan*



Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita sewajarnya memperbanyak mengamalkan sunah Baginda Nabi Muhammad SAW. Jadilah kita umat yang bukan sahaja menzahirkan rasa cinta melalui kata-kata semata namun membuktikan dengan langkah dan tindakan seperti dengan mempraktikkan amalan-amalan sunah seperti yang Baginda lakukan.

## 2. Solat witir

Solat witir merupakan ibadah yang dituntut dalam Islam seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA :

أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ: صِيَامٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرُكْعَتِي الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنْتَامَ

Maksudnya: *Kekasihku (Rasulullah S.A.W) berwasiat kepadaku supaya melakukan tiga perkara iaitu: Berpuasa tiga hari pada setiap bulan, dua rakaat Dhuha dan melakukan solat witir sebelum tidur.*

Solat witir merupakan ibadah yang dilakukan untuk meraih redha Allah. Nabi Muhammad SAW membuat perbandingan yang harta yang tinggi nilainya sekalipun tidak setanding dengan kelebihan menunaikan solat witir. Antara kelebihan solat witir diumpamakan lebih baik daripada unta merah adalah seperti hadis berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ الطَّيَالِسِيُّ وَقُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ الْمَعْنَى قَالَا حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَاشِدِ الزُّوَيْجِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي مُرَّةَ الزُّوَيْجِيِّ عَنْ خَارِجَةَ بْنِ حُدَافَةَ قَالَ أَبُو الْوَلِيدِ الْعَدَوِيُّ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ أَمَدَّكُمْ بِصَلَاةٍ وَهِيَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ وَهِيَ الْوُتْرُ فَجَعَلَهَا لَكُمْ فِيمَا بَيْنَ الْعِشَاءِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ

Maksudnya : *Telah menceritakan kepada Kami [Abul Walid Ath Thayalisi] dan [Qutaibah bin Sa'id] dari [Kharajah bin Hudzafah], Abu Al Walid Al Adawi berkata; Rasulullah shallAllahu wa'alaihi wa sallam keluar menemui Kami dan berkata: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan bagi kalian sebuah shalat yang dia lebih baik bagi kalian dari pada unta merah, yaitu shalat witir, dan telah menjadikannya berada diantara shalat Isya hingga terbit fajar." (HR Abu dawud)*

## 3. Berwuduk sebelum tidur serta tidur berbaring ke sebelah kanan

Tidur merupakan antara perbuatan yang digemari oleh masyarakat kerana masyarakat dapat berehat setelah seharian menjalankan aktiviti harian namun terdapat juga sunah sebelum tidur iaitu dengan berwuduk sebelum tidur dan tidur dalam keadaan berbaring diatas rusuk kanan. Daripada al-Bara' bin 'Azib R.Anhuma, katanya: Rasulullah SAW bersabda kepadaku:

إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ فَتَوَضَّأْ وَضُوءَكَ لِلصَّلَاةِ، ثُمَّ اضْطَجِعْ عَلَى شِقِّكَ الْأَيْمَنِ،

Maksudnya: *Apabila kamu datang ke tempat perbaringan, hendaklah kamu berwuduk seperti wuduk solat, kemudian berbaring atas rusuk kanan.*

Al-Qadhi I'yadh menjelaskan tentang hadis di atas bahawa hadis ini terdapat tiga sunah dan salah satu daripadanya ialah berwuduk sebelum tidur kerana dibimbangi Allah memamatkan tanpa bersuci. Seterusnya, tidur tidak menjadi permainan syaitan dan bermimpi perkara-perkara yang menakutkan. Jika ditakdirkan mati, maka amalannya berakhir dengan taharah.

Dalam buku *al-I'jaz al-Ilmi fi al-Islam wa al-Sunnah al-Nabawiyah* karya Muhammad Kamil Abd al-Somad menjelaskan tentang manfaat berwuduk amatlah besar kepada tubuh badan manusia bermula dengan membasuh tangan sehingga kepada membasuh kaki hingga ke buku lali. Sunah ini turut dipersetujui oleh ramai pakar kesihatan yang juga menganjurkan untuk membersihkan diri seperti bersuci, mencuci mulut dan kaki sebelum tidur untuk menjaga kesihatan kulit muka. Disamping itu, berwuduk adalah amat digalakkan kerana Allah cinta dan menyukai orang-orang yang berada dalam keadaan yang suci.

Doa yang boleh dibaca setelah berwuduk dan berbaring atas rusuk kanan untuk tidur ialah :

اللَّهُمَّ أَسَلَمْتُ نَفْسِي إِلَيْكَ، وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَيْكَ، وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي إِلَيْكَ، رَغْبَةً وَرَهْبَةً إِلَيْكَ،  
لَا مَلْجَأَ وَلَا مَنجِي مَعَكَ إِلَّا إِلَيْكَ، آمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِي أَنْزَلْتَ، وَبِنَبِيِّكَ الَّذِي أَرْسَلْتَ

Maksudnya : *“Ya Allah, aku serahkan diriku pada-Mu, dan aku serahkan urusanku pada-Mu. Aku sandarkan belakangku kepada-Mu dengan penuh rasa harap dan takut kepada-Mu. Tiada tempat bersandar dan selamat selain daripada-Mu. Aku beriman dengan kitab-Mu yang Kamu turunkan, dan nabi-Mu yang Kamu utuskan.”*

Tidur di atas rusuk kanan sewaktu tidur merupakan antara sunah Nabi Muhammad SAW yang dianjurkan dalam Islam. Selain ia merupakan sunah, amalan ini juga merupakan satu amalan yang sihat menurut pakar kesihatan kerana dapat mengurangi tekanan pada organ dalam tubuh badan seperti jantung dan perut. Perkara ini dapat mengurangkan risiko masalah pencernaan dan gangguan tidur. Selain itu, tidur di atas rusuk kanan juga dapat membantu melindungi diri daripada gangguan syaitan. Sabda Rasulullah, "Apabila engkau ingin tidur,

berbaringlah di rusuk kananmu dan ucapkanlah: 'Ya Allah, peliharalah aku dari syaitan dan jadikanlah hamba-Mu ini sebagaimana Engkau menjadikan beliau tenteram.'" (HR. Bukhari dan Muslim)

- Kesimpulan

Sambutan Maulidur Rasul merupakan suatu peristiwa yang penting dan bermakna kepada seluruh umat Islam sebagai memperingati hari kelahiran Baginda Nabi Muhammad SAW. Baginda merupakan tokoh yang berperanan penting dalam menyebarkan syiar Islam ke seantero dunia sehinggalah kita di benua Asia Tenggara ini juga dapat merasai serta menikmati nikmat Islam iaitu nikmat yang paling besar. Disebutkan dalam Al-Qur'an pada Surah Al-Anbiya ayat 107 berkenaan salah satu tujuan Nabi Muhammad SAW diutus ke muka bumi adalah sebagai pembawa rahmat bagi seluruh alam. Allah SWT berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Kami tidak mengutus engkau (Nabi Muhammad), kecuali sebagai rahmat bagi seluruh alam."

Ibnu Katsir ada menghuraikan tentang ayat di atas dalam tafsirnya bahawa ayat tersebut memberitahu bahwa Allah SWT menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat untuk semesta alam.

Disamping itu, kita sewajarnya mencontohi sifat dan akhlak Rasulullah kerana Baginda merupakan contoh ikutan yang baik seperti Allah berfirman dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik."